



Rujukan Kami: JUPEM 18/7/2.148 Jld.2 (35)

Tarikh:

31 Mei 2007

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 4 TAHUN 2007**

**GARIS PANDUAN MELAKSANAKAN KERJA-KERJA MOBILISASI
FAIL-FAIL UKUR ANTARA JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI
SECARA DIGITAL SEPENUHNYA**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan garis panduan bagi pelaksanaan kerja-kerja mobilisasi kerja-kerja Jabatan antara Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri (JUPEM Negeri) secara digital sepenuhnya.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Selaras dengan gesaan Kerajaan terhadap keberkesanan sistem penyampaian (*delivery system*), Jabatan telah mengambil pendekatan untuk melaksanakan kerja-kerja mobilisasi yang melibatkan negeri-negeri yang bersempadanan.

2.2 Kerja mobilisasi yang dilaksanakan sebelum ini tidak dijalankan secara digital sepenuhnya.

2.3 Selaras dengan arahan yang telah dikeluarkan melalui surat KTPK 18/7/2.01 JLD.5 (82) bertarikh 12 Disember 2005 agar ukuran

hakmilik tanah dilaksanakan secara digital sepenuhnya, satu modul eMobilisasi telah pun dibangunkan.

3. APLIKASI eMOBILISASI

- 3.1 Modul eMobilisasi ini akan dapat mengatasi beberapa masalah yang menghalang kerja mobilisasi daripada dilaksanakan secara digital sepenuhnya serta membantu Jabatan di dalam memantau status kerja-kerja mobilisasi di setiap JUPEM Negeri yang terlibat.
- 3.2 Bagi memudahkan pelaksanaan kerja melalui modul eMobilisasi ini, JUPEM Negeri yang melakukan proses mobilisasi akan dikenali sebagai *Origin State* (OS) manakala JUPEM Negeri yang menerima kerja mobilisasi tersebut dikenali sebagai *Remote State* (RS).
- 3.3 Bagi membolehkan Pejabat Ukur Daerah *Remote State* (PUD RS) menerima kerja mobilisasi secara terus daripada Timbalan Pengarah Ukur *Origin State* (TPU OS), segala maklumat yang berkaitan dengan PUDRS perlu dimasukkan ke dalam eSRS di OS.
- 3.4 Modul *handshake* SPDK - SAPD di dalam *server* IMS JUPEM Negeri yang terbabit dipertingkatkan bagi membolehkan kerja-kerja mobilisasi dapat dihantar kepada PUD RS melalui *handshake*.
- 3.5 Modul *File Transporter* dalam *server* di Pejabat Ukur Daerah yang menerima fail-fail mobilisasi dipertingkatkan bagi membolehkan fail-fail mobilisasi ini diterima terus daripada TPU OS.
- 3.6 Bagi membolehkan maklumat-maklumat dan data daripada Unit *Cadastral Prosessing System* RS (CPS RS) yang dihantar kepada OS dijana semula oleh OS, maklumat pemproses (*doer*) dan Ketua Unit di Unit CPS RS hendaklah dimasukkan ke dalam eSRS OS.

4. PROSEDUR MOBILISASI FAIL KE JUPEM NEGERI

Prosedur ini adalah bagi kerja-kerja yang bersempadan dan berhampiran dengan sempadan kedua-dua JUPEM Negeri, di mana fail-fail ukur akan dihantar ke JUPEM Negeri berkaitan secara digital. Carta alir keseluruhan prosedur pelaksanaan kerja adalah seperti **Lampiran 'A'**. Ringkasan pergerakan kerja yang berlaku di antara kedua-dua JUPEM Negeri dan di antara cawangan berserta dengan *folder* yang terlibat adalah seperti **Lampiran 'B'**.

- 4.1 OS hendaklah mendaftarkan fail tersebut seperti biasa di dalam eSRS sehinggalah ke peringkat penyediaan dan pengeluaran eSKL.
- 4.2 Fail-fail hendaklah dihantar hingga ke peringkat tindakan TPU OS.
- 4.3 Fail-fail ini kemudiannya hendaklah dihantar kepada Juruukur Daerah *Remote State* (JUD RS) melalui modul *handshake* SPDK - SAPD. Bagi memastikan fail-fail yang dihantar telah diterima melalui sistem, satu laporan senarai fail yang telah dihantar perlu disediakan dan dihantar kepada JUD RS berserta dengan satu salinan kepada Pengarah Ukur Bahagian Kadaster Ibu Pejabat JUPEM oleh JUPEM OS.
- 4.4 Sebaik sahaja JUD RS menerima fail-fail mobilisasi daripada TPU OS, JUD RS hendaklah memastikan maklumat-maklumat eSKL adalah lengkap sebelum mendaftarkannya. Jika tidak lengkap, fail tersebut hendaklah dipulangkan semula melalui modul *handshake*.
- 4.5 JUD RS yang menerima kerja tersebut hendaklah mendaftarkannya ke dalam *SAPD Upgrade* melalui modul *District Survey Record System* (DSRS) bagi tujuan merekod dan memudahkan kerja-kerja pemantauan.
- 4.6 PUD RS hendaklah menjalankan ukuran secara digital sepenuhnya dan memastikan kesemua 16 fail JUPEM ASCII seperti di dalam

Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 11 Tahun 2005 dihantar ke JUPEM Negeri.

- 4.7 Penghantaran kerja kepada TPU RS oleh JUD RS adalah melalui modul *file transporter* di *server* PUD RS. Senarai fail yang siap diukur perlu disediakan dan dihantar kepada TPU RS bagi memastikan fail-fail yang dihantar telah berjaya diterima melalui sistem.
- 4.8 TPU RS menghantar fail tersebut kepada Ketua Unit CPS RS menggunakan modul *handshake* SPDK-SAPD untuk diproses dan disemak.
- 4.9 Prosedur bagi pemprosesan kerja ukur hakmilik tanah yang siap diukur hendaklah mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 2 Tahun 2003.

5. PEWARTAAN PEGAWAI UKUR

Pegawai-pegawai ukur yang terlibat dengan kerja-kerja mobilisasi ini hendaklah diwartakan mengikut Seksyen 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 oleh OS di mana kerja-kerja mobilisasi tersebut akan dibuat.

6. CIRI-CIRI FAIL MOBILISASI

Ciri-ciri fail yang boleh dimobilisasikan adalah seperti berikut:

- i) Fail-fail tersebut merupakan fail yang berhampiran dengan sempadan JUPEM Negeri yang terlibat.
- ii) Fail kerja semasa.
- iii) Fail perlu disediakan dengan eSKL.

- iv) Fail yang dimobilisasikan akan dibuat sepenuhnya oleh RS sehingga ke peringkat penyediaan JK (T1) dan PA (T1). Kemajuan kerja akan dikira sebagai kemajuan RS.

7. DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- 7.1 Kerja mobilisasi perlu disediakan dalam bentuk SKL digital (eSKL) yang mengandungi maklumat bearing, jarak, luas, kedudukan lot yang jelas dan lain-lain maklumat yang perlu bagi menentukan sempadan dan kedudukan lot dijalankan kerja ukuran dengan lengkap.
- 7.2 Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK) dan Pelan Akui (PA) bagi kawasan yang hendak diukur perlu disertakan dalam bentuk digital.

8. PERUNTUKAN NOMBOR LOT, NOMBOR JILID KIRAAN DAN NOMBOR PELAN AKUI

Nombor lot akan dijanakan melalui sistem eSRS oleh OS dan dihantar bersekali dengan eSKL yang disediakan. Manakala nombor Jilid Kiraan dan nombor PA akan diberikan oleh OS melalui penjanaan daripada eSRS sebaik sahaja fail-fail yang siap tersebut diterima daripada RS.

9. PENGHANTARAN DOKUMEN

- 9.1 Sebelum pengukur menghantar kerja, semua laporan hendaklah dijanakan menggunakan aplikasi *Title Survey Module* (TSM).
- 9.2 Bagi kerja-kerja yang bermasalah atau tidak dapat dikerjakan, fail hendaklah dipulangkan semula berserta dengan minit yang lengkap serta surat-surat daripada PTD/PTG.

- 9.3 Sekiranya kerja ukur memerlukan persetujuan tuan tanah dan pihak Pejabat Tanah, urusan tersebut perlu diselesaikan terlebih dahulu oleh JUD RS.
- 9.4 Surat menyurat dengan Pejabat Tanah dan pihak-pihak yang terlibat perlu disertakan kepada JUPEM OS.
- 9.5 Ketua Unit CPS RS akan menghantar terus kerja yang siap kepada TPU OS menggunakan modul eMobilisasi.
- 9.6 Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN) yang terlibat hendaklah memastikan kesemua 16 fail JUPEM ASCII dihantar ke JUPEM OS sebagaimana Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 11 Tahun 2005.

10. PENGHANTARAN LAPORAN BULANAN


- 10.1 Bagi memastikan kerja-kerja mobilisasi ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan jayanya, JUPEM Negeri perlu menyediakan laporan bulanan kedudukan setiap fail yang diterima dan disiapkan kepada Bahagian Kadaster Ibu Pejabat JUPEM bagi tujuan pemantauan pada minggu pertama setiap bulan.
- 10.2 Setiap pergerakan fail melalui sistem yang dibekalkan perlu disertakan dengan senarai fail yang dihantar kepada cawangan yang terlibat. Ini bertujuan bagi memastikan fail-fail tersebut diterima oleh cawangan yang terbabit.
- 10.3 Satu laporan senarai fail yang telah diterima atau dihantar semula perlu disediakan dan dihantar kepada PUPN OS, PUPN RS berserta dengan satu salinan kepada Pengarah Ukur Bahagian Kadaster.

11. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa **mulai tarikh ianya dikeluarkan.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia


Salinan Dalaman :


Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Bahagian Kadaster

Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

CARTA ALIR PROSES KERJA eMOBILISASI





- Daftarkan fail di dalam SAPD melalui DSRS
- Minitkan kerja dan beri kepada pengukur

- Pengukur jalankan ukuran padang
- Pastikan kesemua 16 fail JUPEM ASCII seperti yang dinyatakan dalam pekeliling KPUP Bil. 11/2005 ada.
- Hantar kerja siap kepada JUD melalui DSRS.

JUD/PJUD semak kerja yang dihantar
(Pek. KPUP Bil. 2/2003)

- tikaian, keluasan, cerapan matahari dll
- pastikan 16 fail JUPEM ASCII ada

Fail dipulangkan ke JUPEM RS untuk tindakan penyediaan PA (T1) & JK (T1)

- Menggunakan modul *handshake mobilisasi job list*, TPU RS hantar kerja yang siap ukuran padang untuk diproses ke Ketua Unit CPS .

- Ketua Unit CPS gunakan modul eMobilisasi hantar kerja ke *doer* untuk semakan serta penyediaan PA(T1) dan JK(T1).

- Semakan dilakukan sebagaimana di dalam Pek. KPUP Bil. 2/2003 sehingga penyediaan PA(T1) & JK (T1).

- Dengan menggunakan module eMobilisasi di RS, Ketua Unit CPS menghantar terus fail yang siap termasuk PA (T1), JK (T1) data ukuran dan data CPS kepada TPU OS.

- Laporan fail siap dan telah dihantar ke TPU OS hendaklah disediakan dan dihantar ke *Origin State* dan ke Bahagian Kadaster.

- TPU OS kemudiannya menghantar fail tersebut ke Unit CPS OS untuk *generate* nombor PA.tiff dan nombor JK melalui eSRS OS.

- Sediakan laporan fail yang diterima.
- *Update* dalam SPEK, PDUK & SPID

Nota :

1. *Origin State* (OS) merupakan JUPEM yang melakukan proses mobilisasi fail ke JUPEM Negeri lain.
2. *Remote State* (RS) merupakan JUPEM yang menerima fail mobilisasi dari JUPEM Negeri lain.

ALIRAN PERGERAKAN KERJA

